

Had pengeluaran KWSP umur 55 tahun kekal

KUALA LUMPUR 3 Nov. - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memberi jaminan kepada ahlinya bahawa had pengeluaran umur 55 tahun adalah kekal dan mereka yang berumur 55 tahun ke atas masih boleh membuat pengeluaran ke atas baki simpanan masing-masing.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata, Akaun Emas yang diumumkan hanya berkuat kuasa pada 1 Januari 2017 dan tidak akan menjejaskan skim semasa di mana ahli diberi pilihan membuat pengeluaran penuh atau sebahagian apabila mencapai umur 55 tahun.

255,900

Jumlah pencarum

berumur 55 hingga 60 tahun

RM31.6b

Jumlah caruman

(sehingga 30 September 2016)

“Simpanan ahli juga boleh terus menerima dividen untuk Akaun Emas dan baki simpanan dalam Akaun 55 (pengeluaran umur 55 tahun).

“Selain itu, kita juga melan-

jutkan had pengkreditan dividen dari umur 75 tahun sehingga 100 tahun yang dapat memberi manfaat kepada ahli yang ingin mengekalkan sebahagian simpanan mereka dan mendapat faedah daripada kesan berganda melalui penerimaan dividen sehingga pengeluaran penuh dibuat,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membuat pembentangan mengenai polisi dan pembaharuan skim KWSP di sini hari ini.

Dalam pada itu, Shahril Ridza berkata, lanjutan keputusan rundingan ahli pada tahun lalu, sebanyak 94 peratus responden

bersetuju KWSP mengekalkan Pengeluaran Umur 55 Tahun dan caruman baharu dari umur 55 hingga 60 disimpan sehingga umur 60 tahun dalam Akaun Emas.

“Rundingan tersebut juga menyaksikan 61 peratus responden bersetuju agar bayaran dividen dilanjutkan dari umur 75 hingga 100 tahun,” jelasnya.

Untuk maklumat lanjut berhubung inisiatif penambahbaikan tersebut, orang ramai boleh merujuk kepada laman rasmi KWSP di www.kwsp.gov.my atau hubungi Pusat Pengurusan Pelanggan KWSP di talian 03-8922 6000.